

Siar dalam akhbar

JPA kaji cadangan untuk beri kesedaran kepada pihak lain tingkat integriti, penyampaian awam

H.M 12/6/07 M15 26

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengkaji cadangan menyiarkan nama kakitangan awam yang dikenakan hukuman dan tindakan disiplin kerana didapati bersalah menyalahgunakan kuasa dan melakukan pelbagai kesalahan di akhbar tempatan sebagai bukti kerajaan mengamalkan pentadbiran telus

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Ismail Adam, berkata cadangan menyiarkan nama kakitangan awam itu di akhbar membolehkan rakyat sedar tindakan yang diambil terhadap pegawai terbabit.

"Saya fikir mungkin sudah tiba masanya untuk kita beritahu rakyat (nama dan

bentuk tindakan yang diambil) kerana sebelum ini kita tidak pernah siarkan cerita seumpama itu," katanya.

Ismail berkata, langkah menyiarkan nama kakitangan awam itu di akhbar mampu memberi kesedaran kepada pihak lain untuk meningkatkan integriti dan sistem penyampaian awam.

"Selama ini, rakyat hanya akan tahu ada kakitangan kerajaan dikenakan tindakan jika kes besar seperti membabitkan rasuah disiarkan di akhbar apabila pesalah iaitu pegawai kerajaan didakwa di mahkamah.

"Kali ini, sebaik saja tindakan diambil lembaga tatatertib Kementerian, kita mahu siarkan nama kakitangan

awam terbabit di akhbar sebagai pengajaran," katanya.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat JPA, Hasniah Rashid, berkata cadangan menyiarkan nama kakitangan awam terbabit di akhbar tempatan sedang dipertimbangkan, termasuk dirujuk kepada pengerusi lembaga tatatertib di semua Kementerian.

"Kita perlu merujuk cadangan itu kepada pengerusi lembaga tatatertib di semua Kementerian kerana lembaga berkenaan yang bertanggungjawab menjatuhkan hukuman atau mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangan awam yang didapati bersalah.

"Jika semua pengerusi lembaga tatatertib Kementerian bersetuju, barulah kita dapat memikirkan mekanisme atau kaedah melaksanakan cadangan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hasniah berkata, cadangan menyiarkan nama kakitangan awam yang dikenakan hukuman dan tindakan disiplin di akhbar mendapat reaksi positif Ismail.

Katanya, tempoh tertentu mungkin ditetapkan bagi membolehkan senarai kakitangan awam itu disiarkan di akhbar.

"Kita akan tetapkan tempoh tertentu seperti enam bulan sekali untuk menyiarkan nama itu," katanya.

Hasniah berkata, langkah

JPA menyiarkan nama kakitangan awam bermasalah sudah lama dilaksanakannya, terutama dalam mengesan kakitangan kerajaan yang tidak datang ke pejabat untuk bekerja.

"Ini anda boleh lihat sendiri... Malah akhbar Berita Minggu kelmarin menyiarkan notis mengenai kakitangan kerajaan yang dikesan tidak datang ke pejabat tanpa cuti atau kebenaran serta sebab munasabah.

"Kita siarkan maklumat kakitangan awam terbabit serta memberi tempoh tujuh hari untuk melaporkan diri dan jika individu terbabit gagal berbuat demikian, beliau boleh disifatkan dibuang kerja," katanya. - BH